

11/11/1999

Pemimpin BN yakin menang majoriti

PUTRAJAYA, Rabu - Semua pemimpin parti komponen yakin Barisan Nasional (BN) mampu untuk mencatat kemenangan majoriti dua pertiga, walaupun barisan alternatif dijangka berkempen dengan cara agresif.

Mereka juga melahirkan keyakinan bahawa rakyat Malaysia adalah pencinta keamanan dan tidak mudah tunduk kepada tekanan serta desakan untuk mengadakan sebarang tindakan yang boleh mencetus keadaan huru hara.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata beliau yakin rakyat akan terus memilih BN berdasarkan kecemerlangannya dalam memimpin Malaysia sehingga mencapai tahap yang disegani dunia.

"Malahan, kerajaan BN juga sudah membuktikan kemampuan sebagai pemerintah yang berwibawa termasuk kejayaan kita menganjurkan pelbagai acara dunia seperti perlumbaan formula satu, sukan Komanwel, membina Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), LRT, Lebuhraya Utara Selatan, serta sedang berusaha untuk mengadakan Sukan Asia dan Sukan Olimpik.

"Setahun lalu pula kita menghadapi krisis kewangan yang teruk, tetapi Dr Mahathir dengan berani berjaya membawa kita keluar daripada kemelut itu," katanya.

Presiden Gerakan, Datuk Dr Lim Keng Yaik, berkata partinya yakin BN tidak akan menghadapi masalah untuk mencatat kemenangan besar, termasuk di Pulau Pinang.

Mengenai peluang Gerakan di Pulau Pinang, katanya walaupun DAP belum mengumumkan kempen 'Tanjung Empat' beliau yakin cabaran parti lawan yang diketuai Setiausaha Agungnya, Lim Kit Siang, akan melancarkan kempen itu tidak lama lagi.

Beliau juga menafikan partinya menghadapi masalah untuk bekerjasama dengan MCA, sebaliknya berkata kedua-dua parti akan memastikan kemenangan cemerlang BN di Pulau Pinang.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu berkata BN akan menang mudah dalam pilihan raya umum akan datang berdasarkan rekod dan kepimpinannya yang cemerlang.

Beliau mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana mengadakan pilihan raya umum bagi memimpin rakyat Malaysia memasuki alaf baru sebagai sebuah negara maju.

"Dr Mahathir akan mengemudi negara ke abad dan alaf berikutnya bagi menjadikan Malaysia negara maju dan negara membangun yang memandang ke hadapan," katanya ketika dihubungi Bernama di Toronto, Kanada.

Samy Vellu berkata beliau akan segera pulang ke tanah air.

Presiden MIC itu turut mengetepikan percubaan pembangkang mengambil alih negara, dan berkata mereka didalangi perasaan 'cemburu yang amat sangat'.

Sementara itu, Pengerusi Pergerakan Pemuda BN, Datuk Hishammuddin Hussein, pula meminta rakyat menggunakan hak demokrasi mereka dengan teliti untuk memastikan masa depan negara terus cemerlang.

Katanya, Pemuda BN yakin rakyat cukup matang dan bijaksana dalam membuat pemilihan dengan mengekalkan kemenangan berpihak kepada calon-calon BN.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, pula berkata pengumuman pembubaran Parlimen oleh Perdana Menteri dilakukan pada masa yang sesuai ketika ekonomi negara semakin baik.

Katanya, beliau yakin Barisan Nasional (BN) akan terus berjaya membentuk kerajaan sendiri berdasarkan kecemerlangan rekod masa lalu memerintah negara.

Beliau yang juga Timbalan Pengerusi Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) berkata, BN masih menjadi pilihan terbaik bagi orang ramai untuk menerajui kerajaan kerana konsep perkongsian kuasa di kalangan 14 parti di dalam BN jelas kukuh dan padu berbanding pakatan parti pembangkang.

Ditanya mengenai peluang BN untuk memenangi pilihanraya di Sarawak pula, Law berkata, beliau yakin BN akan berjaya mengulangi kejayaan lalu.

Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB), Tan Sri Abdul Taib Mahmud, pula berkata Sarawak yakin untuk mencapai kemenangan bagi menyumbang semua 28 kerusi Parlimen di negeri ini kepada BN kali ini.

"Kita di Sarawak meskipun tidak membabitkan pilihan raya peringkat negeri kali ini yang akan hanya diadakan sebelum 2001, tetap yakin BN tidak menghadapi masalah untuk mencapai kemenangan besar," katanya.

Pengerusi Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Datuk Amar Dr George Chan, berkata pengumuman pilihan raya sekarang adalah tepat pada masanya ketika parti itu sudah berada di kemuncak dalam persiapan untuk membantu kemenangan BN.

"Kami sudah bersiap sedia...malah sudah sampai ke kemuncaknya dan saya gembira dengan pengumuman ini. Namun kita kena bekerja keras untuk mencapai kemenangan mutlak BN," katanya.

Presiden Parti Kebangsaan Sarawak (Snap), Datuk Amar James Wong, pula berkata pihaknya juga sudah bersedia untuk menghadapi pilihan raya dan akan berusaha keras merampas semula kerusi Parlimen Bintulu iaitu satu-satunya kerusi di Sarawak yang dimenangi pembangkang pada pilihan raya umum 1995.

Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Tan Sri Joseph Kurup, berkata tidak ada masalah besar bagi BN Sabah untuk mencapai kemenangan besar pada pilihan raya kali ini.

"Kita sebenarnya sudah lama mengadakan persiapan. Kita (BN) dan akan terus mengembleng tenaga dan yakin akan mencapai kemenangan," katanya.

(END)